



## SIARAN AKHBAR

### SME CORP. MALAYSIA SUMBANG RM10,000 KEPADA TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN MEDIA PRIMA



*[YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (dua dari kanan) menyerahkan replika cek berjumlah RM10,000 kepada YBhg. Datuk Seri (Dr.) Syed Hussian Aljunid, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (kiri sekali) sebagai sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima sambil disaksikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi (tengah) dan YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia (dua dari kiri)]*

**KUALA LUMPUR, 24 April 2024** – SME Corp. Malaysia telah menyerahkan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima hari ini. Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBrs. Encik Rizal bin Nainy kepada Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, YBhg. Datuk Seri (Dr.) Syed Hussian Aljunid semasa Majlis Ramah Mesra bersama Rakan Strategik sempena sambutan Aidilfitri anjuran SME Corp. Malaysia di Platinum Sentral, KL Sentral.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan rakan-rakan strategik SME Corp. Malaysia yang telah turut sama membantu SME Corp. Malaysia dalam meningkatkan pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Selain itu, Majlis

yang diadakan setiap tahun ini juga membolehkan SME Corp. Malaysia mengukuhkan hubungan kerjasama dan mengeratkan ukhwah sedia terjalin bersama rakan-rakan strategik yang terdiri daripada Kementerian, Agensi dan sektor swasta.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia berkata, “SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat PMKS komited untuk menyelaras dan melaksanakan program pembangunan PMKS dengan kerjasama Kementerian dan Agensi berkaitan serta sektor swasta. Sokongan padu daripada rakan-rakan strategik SME Corp. Malaysia tentunya dapat membantu dalam memperluaskan jangkauan kami kepada PMKS di seluruh negara”.

Mengulas berkenaan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima, beliau berkata, “Sumbangan Wakalah kepada Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima hari ini adalah tanda sokongan dan solidariti SME Corp. Malaysia kepada rakyat Palestin sejajar dengan semangat Malaysia MADANI yang menyokong keamanan sejagat”.

Selain sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima, sumbangan Wakalah SME Corp Malaysia juga telah disampaikan kepada dua (2) pusat Tahfiz iaitu Maahad Tahfiz Al-Quran Misbahul Falah dan Maahad Tahfiz Darul Muhibbin dari Taman Keramat, Kuala Lumpur.

Hadir sama semasa Majlis Ramah Mesra bersama Rakan Strategik SME Corp. Malaysia adalah YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) KUSKOP, YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pemantauan) KUSKOP, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dan YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)